

Headline	Pengajian unik di FSTPi UTHM		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Jul 2012	Color	Black/white
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	g9	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	306 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,346
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,038



Pengajian unik di FSTPi UTHM

» Penerokaan ilmu berteraskan pembangunan lestari

Fakulti Sains, Teknologi Dan Pembangunan Insan (FSTPi) merupakan fakulti ke tujuh ditubuhkan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dalam usaha menuju ke arah universiti bertaraf dunia dengan kejuruteraan, sains dan teknologi untuk pembangunan insan.

Seiring dengan visi FSTPi iaitu menerajui pusat rujukan ilmu multidisiplin bertaraf dunia untuk kesejahteraan sejagat, Kami berusaha melahirkan sumber manusia yang berupaya meneroka ilmu pengetahuan melalui penyelidikan bersifat multidisiplin.

Melalui eksplorasi ilmu dan penyelidikan, kami berkeupayaan untuk mengapikasi penemuan baharu untuk pembangunan di sektor kerajaan dan industri.

Staf akademik di FSTPi diberi latihan dan pendedahan bagi memastikan mereka mempunyai kepakaran tinggi dalam bidang mereka.

Program Akademik

Fakulti menawarkan program Sarjana Sains secara penyelidikan dan Doktor Falsafah Sains secara penyelidikan. Bidang yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Fizik Tenaga, Fizik Persekitaran, Fizik Elektronik, Fizik Laser, Optoelektronik, Sains Bahan, Sains Antaramuka,

Fizik Nuklear dan Fizik Nanoteknologi.

Mekanik Bendalir, Kaedah Berangka, Persamaan Pembeza Separa, Gelombang Tak Linear, Matematik Gunaan, Matematik Kabur, Topologi.

Permodelan Statistik, Model Rangkaian Neural, Analisis Siri Masa, Statistik Bermatematik, Penyelidikan Beroperasi, Pengoptimuman, Statistik Kabur.

Biologi Persekitaran, Kepelbagaian Biologi, Pemu-
liharaan Persekitaran, Biopolimer, Sains Perhutanan, Teknologi Perikanan, Sains Persekitaran.

Fakulti bakal menawarkan program baharu diperingkat sarjana iaitu Sarjana Sains secara kerja kursus dalam bidang Matematik Gunaan, Statistik Industri dan Fizik Gunaan; dan Sarjana Sains secara mod campuran dalam bidang Pemuliharaan Kepelbagaian Biologi Lestari, Teknologi Pembangunan Sosial, Sains Islam dan Teknologi, Bahasa Inggeris Teknikal dan Kimia Bahan.

Pelajar yang mendaftar di FSTPi menjalankan kajian dalam pelbagai bidang dan terdiri daripada pelajar dalam dan luar negara, termasuk dari negara Indonesia, Pakistan, Nigeria, Mesir, Libya dan Filipina.

Penyelidikan

Selain daripada pembangunan program akademik,

kami juga menitikberatkan bidang penyelidikan. Banyak geran penyelidikan diperolehi oleh staf akademik fakulti di dalam pelbagai bidang.

Fakulti turut berjaya memenangi beberapa pingat di International Invention, Innovation & Technology Exhibition 2012. Bagi tahun 2012, fakulti berjaya memperoleh dua Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) dan dua Geran Penyelidikan Exploratif (ERGS).

Tajuk penyelidikan yang berjaya adalah Pembangunan Model Rangkaian Neural Teguh, *The characterization of SiO₂ sandwich Si₃N₄ thin film as an optical planar waveguide in attenuated total reflection (ATR) mode for bio-sensing applications*, *Electrokinetic Asisted Phytoremediation of Heavy Metal in Riverbank Soil* dan *Jawi- Based Dyslexia Screener For Malay Language: An Exploratory Study*.

Dua buah pusat penyelidikan diwujudkan di FSTPi bagi menggalak dan meningkatkan aktiviti penyelidikan iaitu Pusat Penyelidikan Pengkomputeran Matematik (CERCOM) dan Pusat Penyelidikan Kelestarian Pembangunan Insan (INSAN).

Penyelidik FSTPi, Dr Mohd Kamarulzak Mustafa mendapat pengiktirafan diperingkat antarabangsa dan mencipta sejarah dengan menerima Anugerah Jeremy

Lakowski daripada Universiti Sheffied Hallam, UK di atas kecemerlangan beliau dalam penyelidikan.

Penyelidik di FSTPi sangat aktif menerbitkan artikel dan hasil penyelidikan mereka dalam jurnal yang diindeks dan berimpak tinggi.

Kerjasama Penyelidikan

FSTPi mempunyai jaringan hubungan yang baik dalam bidang penyelidikan dengan

institusi penyelidikan dalam dan luar negara. Di peringkat kebangsaan kami mempunyai kerjasama penyelidikan dengan MARDI, FRIM, Syarikat Nasuha Enterprise Sdn. Bhd., MPOB dan Perbadanan Taman-Taman Negara Johor.

Manakala di peringkat antarabangsa pula, kami bekerjasama rapat dengan Material and Engineering Research Institute (MERI) di Universiti Sheffield Hallam, UK, Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia (LIPI), New Castle University di Australia dan beberapa buah universiti terkemuka luar negara.

Untuk maklumat lanjut sila layari laman sesawang fakulti di <http://fstpi.uthm.edu.my/v2> atau hubungi Profesor Madya Dr. Azme Khamis di talian 07-4547950/07-4547951 atau emel: azme@uthm.edu.my